

BENTUK KERTAS SOALAN**Status :** Kertas Tertutup

Kertas Pendidikan Moral terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A yang mengandungi LAPAN soalan struktur dan Bahagian B yang mengandungi TIGA soalan esei soalan struktur dikemukakan dalam pelbagai pendekatan. Selain daripada soalan yang memerlukan nilai dan penerangan, soalan tahun ini menghendaki calon menjawab soalan yang memerlukan definisi nilai, langkah atau tindakan, kesan atau akibat, menyatakan maklumat, memberikan cadangan dan soalan-soalan lain yang berkaitan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK).

Soalan struktur memerlukan calon menunjukkan kemahiran menyatakan, menjelaskan atau menghuraikan jawapan mengikut kehendak soalan. Calon haruslah berkeupayaan menunjukkan kemahiran dan kematangan dalam mengupas kehendak soalan. Calon perlu memahami kehendak arahan soalan seperti membezakan kata tugas sebagaimana berikut:

PRESTASI KESELURUHAN

Jawapan calon tidak menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, calon memahami kehendak soalan dan cuba memberi jawapan terbaik. Walau bagaimanapun, ada juga calon yang tidak berupaya memberikan penerangan serta huraian atau contoh yang diharapkan. Calon juga tidak begitu menunjukkan kematangan dalam menjawab soalan berbentuk KBKK.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Kumpulan Tertinggi**

Calon menjawab keseluruhan kertas dengan cemerlang dan menepati kehendak soalan. Calon mampu mengemukakan nilai-nilai dengan betul dan dapat memberikan definisi atau maksud nilai yang mengandungi keseluruhan kata kunci. Kemampuan calon memberikan kata kunci yang tepat dapat membantu memberi penerangan dan huraian yang bersesuaian. Calon dapat mengupas soalan dan memberikan jawapan yang tepat mengikut kehendak soalan. Jawapan calon juga menampakkan kemahiran dan penguasaan terhadap soalan berbentuk KBKK.

Kumpulan Sederhana

Calon mengemukakan nilai dengan tepat tetapi kurang berupaya menghurai atau menjelaskan penerangan. Calon juga boleh memberi jawapan tetapi tidak memberi huraian atau contoh yang tepat. Calon tidak dapat memberikan definisi atau maksud nilai dengan lengkap. Calon masih kurang matang dan tidak dapat mengembangkan idea dengan baik untuk soalan KBKK kerana tidak dapat mengupas serta memahami kehendak soalan. Calon juga gemar menulis jawapan yang panjang tetapi tidak mengandungi hujah yang sesuai dengan kehendak jawapan. Hal ini menyebabkan calon mengabaikan soalan lain kerana tidak cukup masa.

Kumpulan Rendah

Calon lebih banyak meneka dan menyenaraikan nilai sahaja. Mereka juga memberi nilai yang tidak tepat atau istilah-istilah lain yang bukannya nilai. Ramai calon yang memberikan penerangan, huraian, cadangan dan jawapan lain yang tiada kaitan dengan soalan kerana gagal mengupas soalan dan mematuhi kehendak soalan. Mereka bukan sahaja tidak dapat memberikan nilai yang dikehendaki oleh soalan, tetapi juga melakukan kesalahan ejaan. Pengetahuan calon dalam menjawab soalan berbentuk KBKK juga masih di tahap rendah kerana kurang pengetahuan dan penguasaan bahasa yang lemah.

Bahagian A

1. Nyatakan/Berikan/Apakah/Namakan/Cadangkan

Calon hanya perlu menyatakan nilai atau jawapan lain tanpa sebarang penerangan lanjut.

Contoh i:

(a) Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan saranan ketua kampung?

Bertanggungjawab

[1 markah]

Calon hanya perlu memberikan satu nilai yang tepat sahaja.

Contoh ii:

Jelaskan maksud nilai di 1 (a).

Maksud nilai Bertanggungjawab ialah kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.

Calon perlu memberikan definisi nilai dengan lengkap iaitu mengandungi kata kunci. Jawapan di atas merupakan jawapan yang lengkap kerana memberi kedua-dua kata kunci.

Contoh iii:

Berikan dua cara bahan buangan pertanian itu boleh dimanfaatkan.

- (i) bahan buangan pertanian boleh digunakan untuk
..... menanam pokok - pokok
- (ii) bahan buangan pertanian ada protein terhadap
..... tanaman

[2 markah]

Calon perlu menyatakan dua cara sahaja.

2. Jelaskan/Terangkan

Terangkan tiga nilai yang perlu diamalkan oleh majikan Puan Lisa.

- (i) Nilai menghormati hak wanita. Majikan Puan Lisa harus
dan menghormati, mengiktiraf Puan Lisa sebagai individu
yang boleh memberi sumbangan dalam pembangunan
keluarga, masyarakat dan negara.
- (ii) Nilai melindungi hak pekerja. Majikan Puan Lisa harus
menghormati, menghargai dan mengiktiraf jasa dan
sumbangan Puan Lisa dalam pembangunan negara.
- (iii) Nilai keadilan. Majikan Puan Lisa harus dapat
mengambil tindakan dan keputusan yang saksama
serta tidak berat sebelah.

[6 markah]

Calon perlu menyatakan nilai dan penerangan sahaja.

Bahagian B Soalan Esei

Calon dikehendaki mengemukakan sekurang-kurangnya dua nilai. Setiap nilai diikuti dengan dua penerangan dan dua huraian atau contoh.

Contoh soalan esei

Angkatan Tentera Malaysia terdiri daripada pasukan berikut:



Huraikan dua nilai yang mesti diamalkan oleh anggota tentera dalam memelihara keamanan negara. Jawapan anda hendaklah disokong dengan penerangan dan contoh atau huraian yang sesuai. [10 markah]

Anggota tentera mengamalkan nilai bertanggungjawab
mereka melaksanakan tugasnya sebagai anggota
tentera dengan baik yang mempertahankan negara.
Demi mempertahankan negara, anggota tentera sanggup berkorban
demi mempertahankan negara. Mereka memiliki kewajipan
mereka sebagai anggota tentera dengan sempurna (aitu
sentiasa berada di sempadan negara. Mereka sentiasa
berada di sempadan negara untuk mengelakkan kemerosotan
warga asing tanpa ~~per~~ permit.

Analisis Penulisan Esei

Nilai bertanggungjawab

Mereka melaksanakan tugasnya sebagai anggota tentera dengan baik yang mempertahankan Negara. Sebagai contoh, demi mempertahankan negara, anggota tentera sanggup berkorban demi mempertahankan negara

Jawapan di atas adalah lengkap untuk satu nilai. Calon perlu mengemukakan satu lagi nilai bersama dengan penerangan dan huraian atau contoh.

CONTOH KESILAPAN DALAM JAWAPAN CALON

Jawapan Tidak Lengkap:

a) Struktur

Terangkan satu nilai yang diamalkan oleh kerajaan.

Nilai yang diamalkan oleh kerajaan
ialah bertanggungjawab.

[2 markah]

Calon sepatutnya menulis nilai dan penerangan, bukannya nilai sahaja

Monolog berikut berkaitan dengan keluhan Susan terhadap tindakan ayahnya.



Huraikan dua nilai yang diamalkan oleh ayah Susan. Jawapan anda hendaklah disokong dengan penerangan dan contoh atau huraian yang sesuai. [10 markah]

Nilai rasional diamalkan oleh ayah Susan. Ayah ~~itu~~ Susan ~~dar~~ mengambil tindakan ~~ber~~ boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar.

Calon sepatutnya memberi huraian untuk kata kunci pertama iaitu boleh berfikir dan kata kunci kedua iaitu dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar. Jawapan di atas cuma mengemukakan penerangan tanpa huraian atau contoh.

Kesalahan Nilai:

Terangkan tiga nilai yang diamalkan oleh Syarikat Agro.

(i) menghargai dan menyayangi alam sekitar

(ii) melindungi alam sekitar

(iii) keselamatan alam sekitar

[6 markah]

Calon di atas telah menulis nilai-nilai yang tidak tepat. Nilai dalam (i) sepatutnya nilai Menyayangi dan Menghargai Alam Sekitar. Melindungi alam sekitar yang ditulis oleh calon dalam (ii) tidak terdapat dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral.

Menulis Definisi Sebagai Penerangan

Terangkan dua nilai yang diamalkan oleh Lily.

(i) Lily mengamalkan nilai kasih sayang terhadap keluarga -
Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam
dan berkekalan terhadap keluarga

Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan terhadap keluarga adalah maksud atau definisi nilai Kasih Sayang Terhadap Keluarga. Calon seharusnya meletakkan watak dan mengaitkannya dengan situasi. Jawapan yang dicadangkan adalah seperti berikut: Lily mengamalkan nilai kasih sayang terhadap keluarga. Dia mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap ibunya.

Jawapan Mengelirukan

Berikan dua cara bahan buangan pertanian itu boleh dimanfaatkan.

(i) Boleh menjadi tanah yang lebih baik.

(ii) Boleh keturangan sampah dan berjimat cermat.

[2 markah]

Jawapan yang diberikan oleh calon di atas dalam (i) dan (ii) tidak membawa apa-apa maksud. Jawapan yang dicadangkan adalah seperti berikut: (i) Dijadikan baja (ii) dijadikan makanan ternakan.

Jawapan Umum

Andaikan anda sebagai kaunselor majalah tersebut, apakah nasihat anda kepada Puan Lisa?

(i) Harus ambil peluang untuk membincang dengan pengurus syarikat itu dan mencari apa puncanya tidak dapat dinaik pangkat.

(ii) Harus membuat aduan kepada pihak berkuasa

[2 markah]

Jawapan (ii) tidak menyatakan pihak berkuasa yang berkaitan. Seharusnya dinyatakan pihak yang relevan seperti kesatuan sekerja .

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon harus memahami kehendak soalan termasuk isu atau situasi yang dikemukakan.
2. Calon harus memahami isu atau situasi yang dapat memberi panduan memilih nilai yang tepat dan penerangan serta contoh yang bersesuaian.
3. Calon perlu memfokus kepada kehendak soalan. Calon yang mengemukakan jawapan yang terlalu panjang mungkin hilang tumpuan untuk memberi jawapan yang tepat.
4. Calon perlu mengenalpasti kehendak kata tugas seperti nyatakan, terangkan, huraikan dan sebagainya.
5. Calon mesti menulis nilai seperti yang terdapat dalam sukatan pelajaran pendidikan moral.
6. Calon tidak harus mengemukakan jawapan untuk soalan esei dalam bentuk 'point form'.
7. Calon haruslah faham bahawa penerangan adalah menerangkan nilai yang diberi dan mengandungi kata kunci. Ia bukan definisi atau maksud nilai tersebut. Huraian adalah sokongan kepada penerangan yang diberikan. Contoh pula adalah bukti sebagai pengukuh kepada penerangan yang diberi. Huraian dan contoh tidak memerlukan kata kunci.
8. Calon diingatkan supaya menulis jawapan dalam ruang yang disediakan dan tidak mengubahsuai format ruang jawapan tersebut.
9. Calon digalakkan merancang pembahagian masa yang bersesuaian.
10. Calon seharusnya menguasai dan memahami semua nilai murni pendidikan moral.
11. Calon perlu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan memperbanyakkan latihan.
12. Calon perlu membaca dan memahami kandungan buku teks.
13. Calon perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian kerana penghayatan tersebut dapat membantu calon dalam pelbagai situasi termasuk menjawab soalan.
14. Calon disarankan supaya peka terhadap isu-isu semasa dan memahami budaya kaum lain seperti pantang larang dan adat istiadat.
15. Pengetahuan tentang hal-hal antarabangsa memberi kelebihan kepada calon untuk menjawab sesetengah soalan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru seharusnya mengetahui, memahami dan menguasai nilai-nilai murni Pendidikan Moral dengan baik.
2. Guru mesti mengenalpasti kata kunci semua nilai serta mendedahkannya kepada semua pelajar.
3. Guru sewajarnya melatih pelajar memahami isu, situasi dan kehendak soalan.
4. Guru juga disaran supaya memaksimumkan penggunaan buku teks, Buku Panduan Guru dan bahan-bahan lain dalam pengajaran dan pembelajaran.
5. Guru juga perlu membincang dan mendedahkan isu-isu semasa berkaitan moral kepada pelajar daripada pelbagai sumber seperti media cetak dan elektronik termasuk laman web yang dicadangkan dalam buku teks.
6. Guru harus mendedahkan kepada pelajar garis panduan yang tepat untuk menulis jawapan yang baik.
7. Pelajar harus dibimbing mengenalpasti kata tugas dalam soalan dan menjawab mengikut kehendak kata tugas.
8. Guru harus mempelbagaikan kaedah mengajar agar proses pengajaran dan pembelajaran menarik minat pelajar.
9. Guru harus melengkapkan diri dengan maklumat terkini berkaitan dengan peperiksaan dan kurikulum bagi mata pelajaran Pendidikan Moral.
10. Guru disarankan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran Pendidikan Moral agar mendapat lebih banyak pendedahan.
11. Guru harus mempunyai pandangan yang positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral sebagai mata pelajaran teras.
12. Guru perlu sedar bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral bukan sahaja sebagai mata pelajaran teras tetapi ia juga sebagai mekanisme atau kaedah untuk menjana sahsiah pelajar yang terpuji.